

SIARAN AKHBAR

S.A. 2025/10/26_19 (HQ)

**TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB) DAN STATE GRID CORPORATION OF CHINA (SGCC)
MELALUI ANAK SYARIKAT MILIK PENUH, CHINA ELECTRIC POWER EQUIPMENT AND
TECHNOLOGY (CET), TANDATANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BAGI
PERKUKUH KERJASAMA TEKNOLOGI SISTEM KUASA MODEN MALAYSIA**

Tenaga Nasional Berhad (TNB), syarikat utiliti elektrik utama Malaysia, hari ini telah menandatangani **Memorandum Persefahaman (MoU)** bersama **State Grid Corporation of China (SGCC)**, syarikat utiliti awam terbesar dunia, melalui anak syarikat milik penuhnya **China Electric Power Equipment and Technology Co., Ltd. (CET)**. Kerjasama ini bertujuan memperkukuh kerjasama teknologi dalam pemajuan grid kuasa dan rangkaian pembahagian, menyokong pemodenan grid Malaysia serta menyumbang kepada visi ASEAN yang lebih luas bagi mempertingkatkan keterhubungan tenaga serantau.

Kolaborasi ini berfokuskan kepada tiga bidang teras: Perancangan & Integrasi Sistem Kuasa, Rangkaian Pintar & Berdaya Tahan, dan Penyelesaian Digital & Kecerdasan Buatan (AI), dengan matlamat untuk memanfaatkan kepakaran SGCC dan CET dalam bidang peralihan tenaga serta sistem kuasa baharu bagi memperkukuh operasi dan pengurusan sistem grid kuasa dan rangkaian pembahagian TNB. SGCC mempunyai rekod cemerlang dalam bidang tenaga, dengan pembekalan elektrik kepada lebih 1.1 bilion pelanggan serta rangkaian operasi antarabangsa di lebih 40 buah negara melalui CET sebagai cabang perniagaan globalnya.

MoU tersebut telah ditandatangani di Shah Alam, Selangor, dalam satu majlis yang dihadiri wakil-wakil utama kedua-dua pihak. MoU tersebut ditandatangani oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan, dan Pengerusi CET, Yu Jun. Majlis itu turut disaksikan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Amar Fadillah Yusof.

Melalui MoU tersebut, TNB dan SGCC_CET akan menubuhkan jawatankuasa kerja bersama bagi memantau kemajuan kerjasama kedua-dua pihak. Antara aktiviti utama termasuk sesi pembangunan kapasiti, laporan kajian teknikal serta sokongan reka bentuk konseptual bagi projek perintis – antaranya seperti rekaan rangkaian arus terus pembahagian voltan sederhana/rendah, dan rangka kerja AI agentik bagi operasi grid. TNB akan menyediakan maklumat teknikal yang diperlukan bagi menyokong kerjasama ini, manakala CET akan berkongsi keupayaan teknologi, piawaian dan pengalaman pengurusan projek melalui operasi global SGCC.

Megat Jalaluddin menegaskan komitmen TNB dalam memajukan sektor tenaga Malaysia melalui kerjasama strategik dengan menyatakan: “Sebagai pembekal elektrik utama negara, TNB berdedikasi untuk membangunkan sistem kuasa yang lebih cekap, berdaya tahan dan rendah karbon. MoU bersama SGCC ini, melalui anak syarikat milik penuhnya CET, membolehkan kami memanfaatkan amalan terbaik global dalam perancangan sistem kuasa,

S.A. 2025/10/26_19 (HQ)

teknologi grid pintar dan penyelesaian digital – pemangkin penting bagi mengintegrasikan tenaga boleh baharu serta memperkukuh peranan kami dalam Grid Kuasa ASEAN (APG). Kerjasama ini juga menekankan komitmen TNB dalam menyokong masa depan Malaysia yang lebih mampan melalui teknologi AI, khususnya menerusi inisiatif Grid Pintar. Kami berharap kerjasama sebegini dapat terus diperkukuh bagi menyokong matlamat peralihan tenaga negara.”

Yu Jun pula menekankan kepakaran CET dalam projek tenaga antarabangsa yang boleh disesuaikan dengan keperluan Malaysia. “CET, sebagai platform global SGCC bagi pelaburan, pembinaan dan operasi projek tenaga, telah menjayakan projek di lebih 40 negara. Kami berbangga dapat bekerjasama dengan TNB, peneraju industri tenaga Asia, untuk berkongsi pengalaman SGCC dalam talian penghantaran voltan ultra tinggi (UHV), ketahanan grid pintar, dan pengurusan grid berpanduan AI. Kerjasama ini tidak hanya memperkukuh hubungan dua hala China-Malaysia, tetapi turut menyumbang kepada visi keterjaminan dan kemampanan tenaga di rantau ASEAN.”

MoU ini menandakan satu pencapaian penting dalam kerjasama tenaga China-Malaysia, sejajar dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) serta visi APG untuk keterhubungan tenaga serantau.

Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.2GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang terdiri terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 Jun 2025, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

Mengenai State Grid Corporation of China (SGCC)

State Grid Corporation of China (SGCC) ialah syarikat utiliti elektrik terbesar di dunia yang memainkan peranan penting dalam sektor keterjaminan tenaga negara China. Ditubuhkan pada tahun 2002, SGCC membina dan mengendalikan grid kuasa yang meliputi 88% daripada keseluruhan wilayah China, membekalkan elektrik kepada lebih daripada 1.1 bilion penduduk. Dengan misi untuk menyediakan tenaga yang lebih selamat, bersih dan mampan, SGCC merupakan peneraju global dalam teknologi talian penghantaran voltan ultra tinggi (UHV) serta menerajui usaha China ke arah tenaga bersih. Di luar operasi domestiknya, SGCC telah berkembang ke peringkat antarabangsa melalui pelaburan dalam grid kuasa di negara-negara Asia, Amerika Selatan dan Eropah.

S.A. 2025/10/26_19 (HQ)

Mengenai China Electric Power Equipment and Technology Co., Ltd. (CET)

China Electric Power Equipment and Technology Co., Ltd. (CET) ialah anak syarikat milik penuh State Grid Corporation of China (SGCC), yang berperanan sebagai platform bersepadu SGCC bagi pelaburan, pembinaan dan operasi grid kuasa di luar negara. Perniagaan terasnya tertumpu kepada infrastruktur grid kuasa luar negara serta projek sambungan rentas negara dan rentas wilayah. Selaras dengan inisiatif “Belt and Road” dan kerjasama kapasiti perindustrian antarabangsa, CET melaksanakan projek EPC (contohnya sambungan rentas negara dan grid pintar) serta menyediakan penyelesaian bersepadu. Syarikat ini beroperasi di lebih 40 negara/wilayah merentasi empat benua, mempunyai 23 cawangan/pejabat perwakilan luar negara, dan telah membina lebih 80 projek EPC bertaraf tinggi. Pada tahun 2024, CET menduduki tempat pertama dalam nilai kontrak projek tenaga luar negara dalam kalangan syarikat China, kekal dalam senarai *ENR Top 100 Global Contractors* selama sembilan tahun berturut-turut (satu-satunya syarikat yang memfokuskan kepada grid kuasa), serta mengekalkan penarafan kredit AAA selama sembilan tahun, dengan jumlah aset bernilai 27.766 bilion yuan pada akhir tahun 2024. CET akan terus berkongsi pencapaian China dalam bidang tenaga melalui teknologi SGCC bagi menyokong inisiatif Belt and Road serta usaha membina komuniti global yang berkongsi masa depan bersama.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 Oktober 2025 jam 3:00 pm

Untuk pertanyaan lanjut, hubungi:

*Mohd Haikal Abd Jalil
Group Corporate Communications
Tenaga Nasional Berhad
Email: media@tnb.com.my*

*Liao Zhongjun
Fourth Business Division
China Electric Power Equipment and Technology Co., Ltd.
Email: liaozi316@163.com*



FOTO 1

Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan State Grid Corporation of China (SGCC), melalui anak syarikat milik penuhnya China Electric Power Equipment and Technology Co., Ltd. (CET), telah disempurnakan dalam satu majlis yang diadakan di Shah Alam, Selangor. Majlis tersebut disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Malaysia, Datuk Amar Fadillah Yusof (empat dari kanan). MoU tersebut ditandatangani oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (dua dari kiri) dan Pengerusi CET, Yu Jun (tiga dari kanan).



FOTO 2

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (kiri) dan Pengerusi CET, Yu Jun, bertukar dokumen MoU dalam satu majlis yang diadakan di Shah Alam, Selangor. Majlis tersebut disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Malaysia, Datuk Amar Fadillah Yusof (centre).